

## **Tema Bulan Bahasa 2006**

### **Tema - *Dinamiknya Bahasaku***

Dinamik bermakna bertenaga dan mempunyai kekuatan serta mampu membuat penyesuaian dan menghasilkan pembaharuan dan kemajuan. Bahasa Melayu berupaya untuk memainkan peranan sebagai wahana komunikasi yang cekap dan berkesan dalam konteks penggunaannya di Singapura; negara berbilang bahasa dan budaya. Di samping itu bahasa Melayu boleh mengungkapkan pelbagai bidang (ekonomi, sains dan teknologi, sosial dan sebagainya) dan digunakan secara meluas dalam sektor yang pelbagai (awam, swasta, antarabangsa).

### **Cogan Kata - *Semarak Bahasa Serentak Masa***

Semarak bermakna seri atau cahaya. Semarak juga bermakna kebanggaan, keelokan, kemegahan, kemuliaan. **Semarak Bahasa Serentak Masa** mengajak kita menyerikan Bulan Bahasa 2006 dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul agar keelokan bahasa Melayu terjaga dan menjadi kebanggaan masyarakat kita. Oleh itu masyarakat kita harus berusaha untuk menyemarakkan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan kita agar bahasa Melayu kekal relevan di Singapura.